

TR: 3.11.66

**UCAPAN TIMBALAN
PERDANA MENTERI MALAYSIA
DI UPACARA PEMBUKAAN
RASMI BANGUNAN BARU
IBU PEJABAT BANK AGUNG
PADA 18 NOVEMBER, 1966.**

Tuan Pengerusi,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Pengarah-pengarah Bank Agung ini kerana telah menjemput saya hadir di upacara pada pagi ini untuk merasmikan pembukaan bangunan baru Ibu Pejabat Bank Agung ini.

Semenjak Bank Agung ini ditubuhkan beberapa tahun yang lalu, Bank ini telah banyak memberi sumbangan dan bantuan yang membina dalam usaha-usaha pembangunan yang dijalankan di seluruh negara kita, terutama sekali dalam lapangan pertanian. Saya suka mengambil peluang pada hari ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Bank Agung ini di atas jasanya yang cemerlang itu dan saya berharap Bank ini akan terus berkhidmat untuk kepentingan syarikat-syarikat kerjasama dan ahli-ahlinya dan dalam lapangan pembangunan negara.

Sebagaimana yang tuan-tuan sekalian sedia maklum, negara kita Malaysia ini semenjak mencapai kemerdekaannya telah berjaya melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya yang pertama di bawah Rancangan Pembangunan 5 Tahun Yang Kedua daripada tahun 1961 - 1965 dan sekarang ini di bawah Rancangan Malaysia Pertama. Kejayaan kita dalam Rancangan 5 Tahun Yang Kedua itu adalah tercatat dengan terangnya dan dapat dilihat di serata tempat di negara kita ini - di bandar-bandar dan di kampung-kampung. Perubahan yang tercapai adalah banyak dan sangat memuaskan dan sekarang ini kita sedang melaksanakan dengan giatnya Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Dalam rancangan ini, Kerajaan telah menguntukkan perbelanjaan sebanyak \$4,500 juta. Sungguhpun wang yang dikehendaki itu belum mencukupi dan

belum didapati semua sekali, akan tetapi Kerajaan yakin dan percaya dengan kerjasama dan bantuan yang akan diberi oleh negara-negara sahabat yang telah memandang tinggi kepada usaha kita dalam lapangan pembangunan ini dan telah memberi akuan hendak memberi pertolongan yang patut kepada kita, kita akan dapat bantuan-bantuan yang kita kehendaki itu. Saya yakin dan percaya dengan pelaksanaan Rancangan 5 Tahun Yang Pertama ini, negara kita, termasuklah Sabah dan Sarawak, akan dapat meningkat kepada kemajuan-kemajuan yang lebih besar dan lebih luas lagi pada masa yang akan datang.

Sungguhpun rakyat negara kita ini belum lagi dapat menikmati kemudahan-kemudahan dan kemewahan-kemewahan yang telahpun dicapai oleh negara-negara yang berkemajuan, akan tetapi saya yakin jikalau kemajuan berjalan secara yang ada pada hari ini, saya percaya rakyat negara ini akan menikmati kemudahan-kemudahan yang tersebut itu dalam masa yang tidak berapa lama lagi. Saya telah sebutkan jika negara kita disifatkan sebagai sebuah 'motokar', Rancangan 5 Tahun Yang Kedua dahulu bolehlah diumpamakan kita berjalan menuju ke arah kemajuan dengan memasukkan gear yang pertama. Sekarang, dengan Rancangan 5 Tahun yang ada sekarang ini, kita telah memasuki kepada gear yang kedua. Apabila kita telah memasuki gear yang keempat, saya percaya kemajuan yang kita akan dapat capai di negara ini akan dapat disamakan dengan negara-negara yang telah maju yang telah menjalankan rancangan-rancangan kemajuannya berpuluh-puluh dan beratus-ratus tahun lamanya.

Kejayaan kita dalam lapangan kemajuan tidak dapat siapa menafikannya. Pelawat-pelawat dari luar negeri dan pembesar-pembesar dari negara-negara sahabat semuanya memandang tinggi dan memberi pujian yang tinggi di atas kejayaan kita melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan.

Tuan-tuan dan puan-puan, dalam melaksanakan rancangan pembangunan, kita telah dapat mengadakan satu cara gerakan yang sedang ditiru dan diikuti oleh beberapa buah negara di Asia dan Afrika. Cara-cara atau teknik yang kita gunakan ini, kita telah menyediakannya dengan tujuan hendak melicinkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan menjamin kehasilan daripada usaha-usaha kita dalam lapangan pembangunan ini. Kita

bersyukur ke hadrat Tuhan di atas kehasilan yang kita telah capai sehingga hari ini.

Akan tetapi kita tidak hendak setakat ini sahaja bahkan akan meneruskan usaha-usaha kita dan akan menambah lagi tenaga-tenaga yang kita akan curahkan dalam lapangan pembangunan ini, kerana kerajaan kita - Kerajaan Perikatan - sebenar-benarnya berazam hendak memberi rakyat negeri ini daripada semua bangsa kemudahan-kemudahan dan nikmat hidup yang mereka itu kehendaki sebagai warganegara dinegara yang merdeka. Sekarang ini, sambil usaha-usaha dari pihak Kerajaan diperhebat dan diperkuatkan lagi, Kerajaan menjalankan gerakan untuk mengerah tenaga rakyat supaya mereka bersama-sama menggunakan dengan sepenuhnya peluang-peluang yang diadakan oleh Kerajaan dalam lapangan pembangunan ini. Hanyalah dengan adanya usaha dan tenaga daripada pihak rakyat sendiri dapat rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan itu mendatangkan hasil-hasil yang dikehendaki.

Gerakan Maju yang telah dilancarkan oleh Kerajaan sedang mendapat sambutan yang memuaskan. Kerajaan berkehendakkan rakyat di kampung dan di luar bandar supaya berusaha memperbaiki keadaan hidup mereka itu; membersihkan rumahtangga masing-masing; mendirikan rumah-rumah yang lebih sempurna dan lebih bahagia daripada yang ada pada hari ini; menjaga kesihatan anak isteri masing-masing, bahkan menjalankan semua usaha sebagai warganegara yang berani berdiri diatas kakinya sendiri di dalam zaman pembangunan yang penuh dengan dugaan-dugaan dan perlawanan-perlawanan ini. Gerakan Maju ini ialah peringkat yang kedua dalam pelaksanaan rancangan pembangunan kita.

Kerajaan telah pun memasuki kepada peringkat yang ketiga dalam pembangunan negara dengan menubuhkan badan-badan yang tertentu seperti Majlis Amanah Rakyat (M A R A) yang mempunyai tugas-tugas bagi menolong bumiputera dan rakyat yang mundur di kawasan luar bandar dan juga di bandar supaya mengambil peranan yang lebih sempurna dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Kerajaan telah pun menubuhkan Bank Bumiputera untuk memberi kemudahan-kemudahan modal kepada rakyat bumiputera sama ada yang tinggal di bandar atau pun di luar bandar supaya mereka itu dapat memberi sumbangan yang sempurna kepada pembangunan

negara. Kerajaan telah pun menubuhkan Lembaga penyatuan dan Pemulihan Tanah bagi menolong rakyat di kawasan luar bandar memperbaiki keadaan tanaman-tanaman di atas tanah mereka itu perusahaan-perusahaan tanah mereka itu. Kerajaan telah juga menubuhkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bagi menolong mengadakan pasaran-pasaran barang-barang yang dikeluarkan dari luar bandar. Kesemua badan-badan ini mempunyai tujuan hendak menolong rakyat-rakyat yang mundur dan miskin supaya dapat mereka menikmati kemajuan-kemajuan dan taraf hidup yang lebih baik dan lebih sempurna lagi.

Nyatalah bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dalam masa 6 tahun yang lalu adalah merupakan satu tindakan yang tegas dan praktikal bagi memperbaiki taraf hidup rakyat di negara kita ini dalam bidang kehidupan mereka yang bebas dan berdasarkan demokrasi.

Bersama-sama dengan usaha-usaha ini dan langkah-langkah yang saya sebutkan itu, pihak gerakan kerjasama adalah menjadi satu unsur pembangunan yang mustahak. Kerajaan Perikatan sentiasa berpendapat bahawa syarikat kerjasama adalah mempunyai bahagian yang penting dalam usaha-usaha hendak memperbaiki keadaan hidup rakyat terutama sekali yang duduk di luar bandar. Akan tetapi sebuah syarikat kerjasama jika hendak memberi faedah kepada ahli-ahlinya mustahaklah berjalan dengan jayanya dan mendapat sokongan yang penuh daripada ahli-ahlinya. Dengan sebab itu pada fikiran saya, sebelum ditubuhkan sesuatu syarikat kerjasama itu mustahak disiast hasrat-hasrat dan kehendak-kehendak penduduk-penduduk tempatan itu dan jikalau mereka itu sebenar-benarnya berkehendakkan syarikat kerjasama dan sanggup memelihara dan memerhati perjalanan dan kedudukan itu serta menyokongnya dengan sepenuhnya maka barulah ditubuhkan syarikat itu. Pada masa yang lampau di setengah-setengah tempat kadang-kadang syarikat kerjasama ditubuhkan sebelum penduduk-penduduk tempatan itu faham dan mengetahui dan menunjukkan hasrat dan kehendak mereka itu sebenar-benarnya. Dengan sebab itu telah menjadi dasar Kerajaan dan saya percaya Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama sekarang ini hendak mengatur kedudukan-kedudukan syarikat-syarikat kerjasama yang kecil disatukan supaya menjadi syarikat yang lebih besar dan kuat serta boleh berdiri dengan teguhnya menentang apa juga dugaan-dugaan, masalah-masalah yang terpaksa dihadapi.

Begitu jugalah mustahak gerakan syarikat kerjasama ini mensesuaikan kedudukannya dengan keadaan pembangunan yang ada sekarang ini dan dengan badan-badan yang lain yang sedang menjalankan usaha-usaha dalam lapangan pembangunan seperti F A M A , M A R A dan lain-lain. F A M A dan M A R A boleh memberi bantuan dan sokongan kepada syarikat-syarikat kerjasama menguatkan kedudukan syarikat-syarikat kerjasama. Misalnya syarikat-syarikat pasaran bagi mengeluarkan barang-barang dari kampung-kampung, boleh mengadakan perhubungan dengan sebuah lembaga yang akan ditubuhkan oleh Lembaga Pasaran. Umpamanya Syarikat Perikanan jika ditubuhkan satu lembaga pasaran bagi perikanan dapatlah syarikat-syarikat kerjasama perikanan berhubung dan bergantung dengan Lembaga Pasaran itu.

Begitu jugalah pentadbiran syarikat-syarikat kerjasama patutlah diperbaiki lagi dan dikurang 'red tape' dan pucuk pemimpin syarikat patutlah diberi latihan dengan lebih lanjut dan luas lagi dalam hal pentadbiran syarikat kerjasama. Saya suka menyatakan dalam lapangan ini Kerajaan sedia hendak memberi pertolongan kepada syarikat-syarikat kerjasama dalam usaha-usaha mereka bagi memperkuat lagi pentadbiran dan melicinkan lagi perjalanan syarikat-syarikat itu. Begitu jugalah pihak M A R A sedang membentuk satu bahagian pentadbiran, perkhidmatan, pengurusan dan penasihat dan bahagian-bahagian ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat kerjasama untuk mendapatkan bantuan dan pertolongan.

Dan lagi dengan perlaksanaan rancangan-rancangan pembangunan kita berjalan dengan licin dan sempurna, mustahaklah segala kemudahan-kemudahan bagi memberi pertolongan wang kepada penduduk-penduduk luar bandar atau "rural credit facilities" disemak semula supaya kehendak-kehendak rakyat dalam lapangan ini dapat disalurkan dan diberi pertolongan yang sempurna. Pihak Kerajaan telah meminta Bank Dunia menghantar satu pasukan pakar-pakar untuk menjalankan penyiasatan dalam lapangan "credit facilities" atau kehendak-kehendak pertolongan wang daripada penduduk-penduduk luar bandar. Bank Dunia telah bersetuju menghantar satu pasukan 3 orang pakar pada awal minggu bulan Disember 1966 ini bagi 3 minggu lamanya untu menjalankan siasatan-siasatan ini. Pasukan ini akan menyiasat sama ada kemudahan-kemudahan pinjaman wang dalam lapangan tanaman

adakah menepati kehendak-kehendak rakyat di luar bandar dan akan menyiasat sama ada kemudahan-kemudahan ini mendatangkan hasil yang dikehendaki dan adakah usaha-usaha ini disatukan dalam semua bahagian-bahagian yang menjalankan usaha-usaha dalam lapangan ini. Kerajaan telah pun menjalankan sedikit sebanyak siasatan dalam lapangan ini dan pasukan ini akan mengesyorkan cara-caranya kita dapat mengatasi masalah-masalah yang ada dalam perkara ini saya usaha-usaha bagi memberi bantuan wang kepada penduduk-penduduk di luar bandar itu dapat berjalan dengan sempurna dan memuaskan hati.

Tuan-tuan dan puan-puan, nyatalah dalam lapangan pembangunan dan lapangan menolong rakyat yang miskin dan daif, terutama yang duduk diluar bandar untuk mendapatkan bahagian yang lebih sempurna dalam lapangan iktisad dan untuk mendapatkan taraf hidup yang lebih bahagia. Kerajaan telah dan sedang menjalankan apa juga ikhtiar-ikhtiar yang patut dan akan terus memikirkan dan menjalankan ikhtiar-ikhtiar yang lain yang difikirkan menasabah. Berkenaan dengan Bank Agung ini, Kerajaan telah menerima ketetapan dariapda Kongres Ekonomi Bumiputera bagi menyokong dan memberi pertolongan kepada Bank Agung ini. Kerajaan telah pun menguntukkan wang sebanyak \$1.7 juta kepada Bank ini bagi menjalankan pembelian Bertam Estate. Begitu juga Kerajaan berharap segala masalah-masalah pengurusan dan lain-lain yang dihadapi oleh Bank Agung dan syarikat-syarikat kerjasama dapat diselesaikan dan dengan demikian dapatlah Kerajaan berikhtiar untuk memberi pertolongan yang lanjut, sesuai dengan usul-usul yang dikemukakan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera itu.

Tuan-tuan dan puan-puan, seperti saya selalu sebutkan dalam usaha Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan, Kerajaan berkehendakkan semua tenaga dari semua golongan rakyat jelata. Dengan yang demikian saya berharap gerakan syarikat kerjasama di negeri ini akan dapat diperkuatkan lagi dan memperbaiki susunan pentadbiran dan seterusnya boleh memberi sumbangan yang lebih kepada usaha-usaha pembangunan iktisad di negara kita ini.

Saya suka menarik perhatian tuan-tuan kepada teguran yang dibuat oleh Professor Ungku Aziz dalam ceramahnya di Kongres Kerjasama Malaysia pada 16 November, 1966 berkenaan dengan

langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama menaikkan "bunga" pembahagian keuntungan Syarikat Kerjasama dari 6% kepada 10%. Sesungguhnya yang dinaikkan itu bukanlah bunga di atas wang pinjaman tetapi ialah pembahagian keuntungan atas modal bahagian. Ini bermakna kita membahagikan keuntungan di atas perusahaan sesebuah Syarikat seperti Syarikat Pemasaran, Syarikat Perusahaan dan sebagainya. Sayugia diterangkan bahawa sungguh pun keuntungan yang boleh diberi sebanyak 10% itu ialah setinggi-tinggi yang boleh dikeluarkan tetapi kepada praktiknya keuntungan itu kerap kali dibayar terkurang daripada had bayaran yang tersebut.

Keuntungan yang dibahagikan oleh satu-satu Syarikat itu ialah keuntungan di atas perusahaan dan perniagaan seperti juga keuntungan-keuntungan yang diperolehi oleh badan-badan yang bukan Syarikat Kerjasama. Oleh itu saya percaya keuntungan seperti ini tentulah akan memberi galakan kepada semua orang-orang luar bandar, termasuk Pak-Pak Haji dan Pak Lebai, memasuki Syarikat-syarikat Kerjasama. Saya berpendapat keuntungan yang lebih ini tidaklah ada kaitan dengan soal agama.

Pembahagian-pembahagian keuntungan daripada 6% kepada 10% itu adalah keuntungan dariapda syarikat kerjasama. Oleh itu siapa yang suka hendak menerimanya bolehlah menerima dan siapa yang tidak suka menerimanya terpulangkah kepada mereka itu. Dengan sebab itu kenaikan pembahagian keuntungan itu tidak patut sama sekali menyentuh soal-soal yang besar di kalangan gerakan syarikat kerjasama di negara kita ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang hadir sekalian, dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan bangunan baru Ibu Pejabat Bank Agung ini dengan doa dan harapan bahawa dengan adanya bangunan baru ini, Bank Agung akan dapat menjalankan tugas yang penting dan mustahak itu dengan keadaan yang lebih bahagia dan lebih sempurna lagi.

Terima kasih.